

Headline	Suhaili ikut jejak ibu		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	09 Oct 2013	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	192,982
Page No	S6	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	848 cm ²
Journalist	Nas Norziela Nasbah	AdValue	RM 28,709
Frequency	Daily	PR Value	RM 86,128




Suhaili ikut jejak ibu

» Bidang seni tari amat meluas dan pelbagai prospek kerjaya disediakan bagi mereka yang menceburi bidang itu.

daripada tenaga pengajar program realiti, Akademi Fantasia (AF) 2013.

Pernah dinobatkan sebagai pemenang Koreografer Terbaik dan Produksi Keseluruhan Terbaik melalui 'Nerd Gone Nuts' di 'KLPAC's Short and Sweet Festival', Cik Suhaili menyifatkan pembabitannya dalam bidang seni tarian satu anugerah terindah dan berazam untuk memperluas bidang seni tari negara.

"Saya bermula dengan tarian ballet. Kini saya didedahkan dengan pelbagai jenis tarian yang mempunyai pelbagai jenis rentak tari.

Menganjurkan beberapa festival tarian

"Tidak mahu industri seni kita hanya berada di tahap sama, saya mengorak langkah dengan menganjurkan beberapa program dan festival berkaitan tarian dan teater yang dipentaskan di dalam negara malah boleh di ketagahkan untuk ke persada antarabangsa," katanya yang juga menyarah di di Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA).

Katanya, beliau gembira kerana dipilih menjadi tenaga pengajar akademi seni yang menyediakan pelbagai kursus menarik yang berkaitan dengan seni.

"Sebagai guru tari di ENACT, saya melihat akademi ini memberi banyak peluang untuk menentengahkan bakat yang ada terutama bidang seni tari. Di ENACT pelbagai peluang yang disediakan bagi mereka yang berminat.

SEHINGGA KINI, SAYA MELIHAT PELUANG DALAM BIDANG TARIAN AMAT MELUAS DENGAN ADANYA SEKOLAH SENI TARI SEPERTI CENDAWAN TUMBUH SELEPAS HUJAN

Suhaili

Cik Suhaili Micheline koreografer terbaik yang berbakat besar.



Oleh Nas Norziela Nasbah
nasnorziela@bh.com.my

Kejayaan melakar nama dalam bidang tarian di tanah air sendiri dan pada peringkat antarabangsa adalah satu perkara yang cukup membanggakan bagi jurutari berbakat besar, Cik Suhaili Micheline Ahmad Kamil.

Kejayaan beliau menjang nama negara dalam bidang tarian membuktikan prospek kerjaya itu amat meluas dan mampu membawa seseorang ke peringkat tertinggi.

Cik Suhaili berkata, seni tarian amat meluas dan pelbagai prospek kerjaya disediakan bagi mereka yang menceburi bidang itu.

"Seni tari tidak seharusnya dipandang negatif kerana mampu membawa seseorang itu ke puncak kejayaan dengan laluan yang betul sekali gus memberi satu impak positif dalam bidang seni tarian pada peringkat antarabangsa.

"Bidang tarian bukan saja menjanjikan prospek kerjaya sebagai penari semata-mata malah boleh menjadi koreografer, pengarah teater dan jurutari," kata anak jati Kuala Lumpur itu.

Menceritakan mengenai latar belakangnya sebagai seorang jurutari, Cik Suhaili memberitahu, beliau menari sejak berusia empat tahun dan mula mengajar tarian 'ballet' pada usia 16 tahun.

Ikut jejak ibu sebagai guru tari

Guru tari di Enfiniti Academy of Musical Theatre & Performing Arts (ENACT) itu berkata, ibunya yang juga seorang penari dan guru tari memberi pengaruh besar kepadanya untuk menceburi kerjaya itu.

Beliau menyambung pengajian di The Victorian College of the Arts, Melbourne, Australia dan menerima pengiktirafan sebagai penerima "The Most Outstanding Dancer of VCA graduate 2005.

"Kepulungan saya selepas tamat pengajian di The Victorian College of the Arts, tidak langsung merisaukan saya.

"Sehingga kini, saya melihat peluang dalam bidang tarian amat meluas dengan adanya sekolah seni tari seperti cendawan tumbuh selepas hujan," katanya yang juga seorang